

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji
Habibollah
[Limbang]**

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 66

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / Sungai Poyan Fasa 2 yang sudah ditamatkan kontrak kerana terbengkalai dan seterusnya pembinaan Fasa 3 untuk menyiapkan rangkaian jalan ini dan mencapai objektif memberi kemudahan asas kepada rakyat di pesisir sungai Limbang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak pembinaan Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 2 telah ditamatkan dan sekarang ini JKR Sarawak sedang dalam proses menyediakan dokumen tender semula. Tender dijangka dapat dipanggil pada penghujung Jun 2014 dan kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada penghujung Ogos 2014 atau awal September 2014.

Bagi pelaksanaan projek Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 3, penjajaran semula jalan telah dibuat oleh pihak JKR Sarawak. Laporan penilaian tender akan dikemukakan kepada KKLW untuk diperakukan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' yang akan datang.

NO. SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6850

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pernyataan-pernyataan ISMA dan Perkasa yang berunsur hasutan serta anti bukan Melayu dan anti Kristian itu benar-benar dikecualikan daripada Kanun Siksaan ataupun Akta Hasutan yang masih wujud.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.

Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima sebanyak 43 laporan polis dan angka ini adalah termasuk satu laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Perkasa. Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong adalah tidak tepat kerana ISMA dan Perkasa tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).